

Tindakan tegas jika ternak ikan baung ekor merah

BH 7/10/24 PG 19

Kuantan: Jabatan Perikanan memberi amaran tindakan tegas terhadap sesiapa sahaja yang didapati mengimport, menjual, memelihara, menyimpan atau mempamer famili, genus atau spesies ikan baung ekor merah yang boleh mengancam ikan tempatan.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar, berkata Peraturan-Peraturan Perikanan (Pindaan) 2024 membabitkan ikan baung ekor merah atau nama saintifiknya (*Hemibagrus wyckioides*) sudah berkuat kuasa pada 1 Julai lalu, tetapi pihaknya difahamkan ada individu menternak ikan spesies itu.

Beliau berkata, peraturan itu turut membabitkan semua jenis spesies ikan asing yang boleh mengancam ikan tempatan yang terdapat dalam sungai utama di negara ini.

Katanya, pihaknya akan mula melakukan pemeriksaan secara berkala projek ternakan ikan sangkar bagi memastikan kegiatan menternak ikan baung ekor merah tidak terus berlaku walaupun difahamkan spesies berkenaan mendapat permintaan menggalakkan daripada pengguna.

“Ikan baung ekor merah kini semakin banyak membiak dalam sungai utama di negeri ini, ia dapat dilihat menerusi pertandingan memancing yang diadakan di Sungai Pahang bermula di Pekan, Temerloh, Jerantut dan Lipis,” katanya dihubungi, di sini semalam.

Beliau berkata, difahamkan sebelum ini ada pihak yang menternak ikan baung ekor merah di Pekan berikutan permintaan menggalakkan, selain harga memuaskan menyebabkan terdapat pihak yang menternak dalam sangkar secara komersial.

Abdullah menambah, setiap tahun pihaknya mengadakan program kesedaran spesies ikan asing bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai impak negatif spesies ikan asing terhadap ekosistem sungai di negeri ini.

“Ikan baung ekor merah adalah spesies ikan asing dan pemangsa yang agresif kerana menjadikan semua jenis ikan dan hidupan lain sebagai makanannya.

“Sokongan masyarakat setempat, termasuk nelayan darat mampu membantu mengawal penularan ikan asing, kita tidak mahu melihat ikan baung ekor merah terus membiak dalam sungai utama seterusnya mengundang berlakunya kepupusan ikan tempatan,” katanya.